



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA
NOVEMBER 2022**

Inflasi Malaysia kekal 4.0 peratus pada November 2022

PUTRAJAYA, 23 Disember 2022 – Indeks Harga Pengguna November 2022 kekal pada 4.0 peratus dengan mata indeks mencatatkan 129.0 berbanding 124.0 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan hari ini dalam keluaran terkini **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), NOVEMBER 2022**.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Inflasi kumpulan Makanan meningkat 7.3 peratus kekal menjadi penyumbang utama kepada kenaikan inflasi bulan ini. Selain itu, Restoran & Hotel meningkat 7.0 peratus berbanding Oktober 2022 (6.8%). Manakala, peningkatan lebih perlahan direkodkan bagi kumpulan Pengangkutan (5.0%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (3.8%).

Di samping itu, kumpulan utama lain turut mencatatkan peningkatan iaitu kumpulan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (3.6%), Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.6%) dan Pendidikan (1.5%). Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain dan Kesihatan masing-masing merekodkan kenaikan sebanyak 1.4 peratus, manakala Minuman Alkohol & Tembakau dan Pakaian & Kasut masing-masing meningkat sebanyak 0.8 peratus dan 0.4 peratus berbanding November 2021.

Mengulas mengenai laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia menjelaskan pada November 2022, kesemua subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol mencatatkan peningkatan antara 1.6 peratus hingga 8.9 peratus. Dalam kumpulan

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam **1200, Jumaat, 23 Disember 2022**

Makanan & Minuman Bukan Alkohol, antara yang mencatatkan peningkatan tertinggi adalah subkumpulan Susu, keju & telur yang meningkat 8.9 peratus. Ini diikuti oleh Daging (8.2%) dan Beras, roti & bijiran lain (7.5%). Buah-buahan dan Sayur-sayuran pula masing-masing meningkat 4.1 peratus dan 3.6 peratus. Manakala subkumpulan Minyak & lemak menyederhana kepada 1.6 peratus kesan daripada penetapan harga siling baru minyak masak kemasan botol 2 kilogram, 3 kilogram dan 5 kilogram bagi tempoh 8 November hingga 7 Disember 2022.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, "Ayam yang merupakan komponen terbesar dalam subkumpulan Daging (46.1%) meningkat 6.4 peratus berbanding peningkatan 4.8 peratus yang dicatatkan pada bulan Oktober 2022. Purata harga ayam standard di peringkat negara pada bulan November 2022 meningkat kepada RM10.36 sekilogram berbanding RM10.07 pada Oktober 2022 (November 2021: RM9.55). Purata harga di Semenanjung Malaysia adalah RM9.83 sekilogram, Sabah (RM12.14) dan Sarawak (RM11.88). Selain itu, harga daging babi terus mencatatkan peningkatan 28.5 peratus pada bulan ini berbanding peningkatan 26.0 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya."

Subkumpulan Sayur-sayuran meningkat lebih rendah 3.6 peratus berbanding Oktober 2022 (4.8%). Manakala, perbandingan bulan ke bulan mencatatkan kenaikan 1.6 peratus berbanding negatif 1.7 peratus pada bulan sebelumnya sebahagiannya disumbangkan oleh kekurangan bekalan dan faktor cuaca yang tidak menentu. Antara sayur-sayuran yang menunjukkan kenaikan purata harga bulan ke bulan adalah Bayam dengan purata harga RM6.03 sekilogram (Oktober 2022: RM5.42), Kangkung dengan purata harga RM5.72 sekilogram (Oktober 2022: RM5.19), Kacang buncis dengan purata harga RM11.75 sekilogram (Oktober 2022: RM10.32), Kailan dengan purata harga RM9.11 sekilogram (Oktober 2022: RM8.15) dan Sawi bunga dengan purata harga RM8.76 sekilogram (Oktober 2022: RM8.24).

Bagi subkumpulan Ikan & makanan laut, Ikan segar mencatatkan kenaikan sebanyak 3.8 peratus (Oktober 2022: 3.4%). Antara ikan yang merekodkan peningkatan purata harga adalah Ikan keli yang meningkat kepada RM10.56 (November 2021: RM9.44),

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam **1200, Jumaat, 23 Disember 2022**

Ikan pelaling RM14.25 (November 2021: RM12.36), Ikan siakap RM20.74 (November 2021: RM17.89) dan Ikan selayang RM12.11 (November 2021: RM11.31).

Kumpulan Pengangkutan menunjukkan peningkatan lebih perlahan kepada 5.0 peratus pada November 2022 berbanding Oktober 2022 (5.2%). Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan (7.2%). Selain itu, Pengurusan alat pengangkutan persendirian menyederhana kepada 5.1 peratus berbanding 5.6 peratus pada Oktober 2022. Purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 meningkat sebanyak 29.1 peratus (RM3.95 seliter) berbanding RM3.06 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan harga minyak ini adalah kesan daripada peningkatan harga minyak mentah Brent (12.8%) kepada \$AS91.07 setong pada November 2022.

Ketua Perangkawan Malaysia menjelaskan Inflasi bagi tempoh Januari hingga November 2022 meningkat 3.4 peratus berbanding 2.3 peratus bagi tempoh yang sama tahun 2021. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (5.6%), Pengangkutan (4.7%) dan Restoran & Hotel (4.7%). Kadar inflasi bulan ke bulan pada November 2022 meningkat 0.3 peratus berbanding 0.2 peratus yang dicatatkan pada Oktober 2022. Ini disumbangkan terutamanya oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (0.7%) dan Restoran & Hotel (0.5%). Sementara itu, Kesihatan dan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan masing-masing meningkat 0.3 peratus.

Mengulas tentang inflasi di peringkat negeri pula, Ketua Perangkawan menjelaskan empat negeri yang mencatatkan inflasi melebihi paras nasional 4.0 peratus adalah Wilayah Persekutuan Putrajaya (7.9%), Selangor (4.8%), Sarawak (4.7%) dan Johor (4.2%). Namun begitu, Wilayah Persekutuan Labuan merekodkan peningkatan paling rendah sebanyak 2.4 peratus. Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor (9.0%) diikuti oleh Wilayah Persekutuan Putrajaya (8.8%), Sarawak (8.5%), Johor (7.6%) dan Sabah (7.4%). Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi Makanan & Minuman Bukan Alkohol nasional iaitu 7.3 peratus pada November 2022.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Jumaat, 23 Disember 2022**

Sementara itu, inflasi bagi kumpulan pendapatan di bawah RM3,000 meningkat 3.9 peratus daripada 124.7 pada November 2021 kepada 129.6 pada November 2022 (Carta 10). Peningkatan ini disumbangkan oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol sebanyak 6.9 peratus. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh subkumpulan Susu, keju & telur (9.0%) diikuti oleh Daging (8.7%) dan Beras, roti & bijirin lain (6.7%). Tambahan pula, inflasi Restoran & Hotel turut meningkat 7.8 peratus diikuti Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (4.3%); Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (4.0%); Pengangkutan (2.9%) dan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.4%).

Inflasi teras yang mengukur perubahan dalam harga barang dan perkhidmatan, tanpa mengambil kira harga makanan segar yang tidak menentu serta harga barangan kawalan oleh kerajaan mencatatkan peningkatan 4.2 peratus pada November 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol iaitu 8.2 peratus. Selain itu, kumpulan Pengangkutan turut mencatatkan kenaikan 7.9 peratus, diikuti oleh Restoran & Hotel (7.0%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (3.8%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (3.6%).

Mengulas mengenai inflasi negara lain, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Kadar inflasi Zon Euro telah mereda kepada 10.0 peratus pada November 2022 daripada 10.6 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan perlahan ini didorong oleh inflasi Tenaga mereda kepada 34.9 peratus (Oktober 2022: 41.5%) dan Perkhidmatan pada 4.2 peratus (Oktober 2022: 4.3%). Kadar inflasi di Amerika Syarikat mereda kepada 7.1 peratus pada November 2022 berbanding Oktober 2022 (7.7%). Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih di rantau Asia Pasifik, kadar inflasi di Malaysia (4.0%) adalah lebih rendah berbanding inflasi di Filipina (8.0%), Thailand (5.6%), Indonesia (5.4%) dan Republik Korea (5.0%)."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Jumaat, 23 Disember 2022**

kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStats_2022.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
23 DISEMBER 2022**

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 23 Disember 2022


Carta 1

Inflasi Makanan , Januari 2011 – November 2022



Carta 2


Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 – November 2022




Nota : * Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga November 2022

Carta 3


Inflasi Keseluruhan Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, November 2021 – November 2022



Carta 4 Inflasi mengikut Kuadran, Oktober & November 2022




Carta 5 Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkatkan ≤10%, Oktober & November 2022




Carta 8

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Oktober & November 2022




Carta 9

Inflasi bagi Makanan & Minuman Bukan Alkohol, November 2015 – November 2022



Carta 10


Inflasi mengikut Negeri, September & Oktober 2022



W.P.: Wilayah Persekutuan


Carta 11

Inflasi bagi Negara Terpilih, November 2020 – November 2022




Carta 12 Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (US\$/bbl)




Gas Asli (US\$/mmbtu)




Jagung (US\$/mt)




Minyak Sawit Mentah (US\$/mt)




Daging (US\$/kg)




Daging Ayam (US\$/kg)




Kacang Soya (US\$/mt)



Gandum (US\$/mt)



Gula (US\$/kg)



■ Harga komoditi dunia (AS\$) — Peratus perubahan tahun ke tahun

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank



DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA
NOVEMBER 2022**

Malaysia's inflation remained at 4.0 per cent in November 2022

PUTRAJAYA, 23 December 2022 – The Consumer Price Index November 2022 remained at 4.0 per cent with index number recorded 129.0 as against 124.0 in the same month of the preceding year. The Department of Statistics, Malaysia reported today on the released of **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), NOVEMBER 2022**.

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician Malaysia said, "The inflation for Food group increased 7.3 per cent and remained as the main contributor to the rise in the inflation for this month. Meanwhile, Restaurants & Hotels edged up to 7.0 per cent as against October 2022 (6.8%). Meanwhile, slower increase was recorded for Transport group (5.0%) and Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (3.8%).

In addition, other main groups which also recorded increases were Recreation Services & Culture (3.6%), Miscellaneous Goods & Services (2.6%) and Education (1.5%). Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels and Health groups recorded an increase by 1.4 per cent respectively, while Alcoholic Beverages & Tobacco and Clothing & Footwear inclined 0.8 per cent and 0.4 per cent respectively as against November 2021.

Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia explained, in November 2022, all subgroups in Food & Non-Alcoholic Beverages recorded increases between 1.6 per cent to 8.9 per cent. In Food & Non-Alcoholic Beverages

group, among those that recorded the highest increase was Milk, cheese & eggs subgroup that increased 8.9 per cent in November 2022. This was followed by Meat (8.2%) and Rice, bread & other cereals (7.5%). Fruits and Vegetables also increased by 4.1 per cent and 3.6 per cent respectively. Meanwhile, Oils & fats subgroup moderated to 1.6 per cent due to the setting of new ceiling price for cooking oil in 2 kilogramme, 3 kilogramme and 5 kilogramme bottles for the period of 8th November to 7th December 2022.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, "Chicken which is the largest component in the subgroup of Meat (46.1%) increased 6.4 per cent as against the increase of 4.8 per cent recorded in October 2022. The average price of standard chicken at country level in November 2022 increased to RM10.36 per kilogramme as compared to RM10.07 in October 2022 (November 2021: RM9.55). The average price in Peninsular Malaysia is RM9.83 per kilogramme, Sabah (RM12.14) and Sarawak (RM11.88). Besides, pork prices continued to record an increase of 28.5 per cent as compared to the increase of 26.0 per cent recorded in the previous month."

The subgroup of Vegetables increased lower at 3.6 per cent as compared to October 2022 (4.8%). However, a month-on-month comparison recorded an increase of 1.6 per cent as compared to negative 1.7 per cent in the previous month due to supply shortages and uncertainty weather factors. Among the vegetables which recorded a month-on-month average price increases were Green Spinach with an average price of RM6.03 per kilogramme (October 2022: RM5.42), Water spinach with an average price of RM5.72 per kilogramme (October 2022: RM5.19), French beans with an average price of RM11.75 per kilogramme (October 2022: RM10.32), Kailan with an average price of RM9.11 per kilogramme (October 2022: RM8.15) and Choy Sum with an average price of RM8.76 per kilogramme (October 2022: RM8.24).

In the Subgroup for Fish & seafood, Fresh fish recorded an increased by 3.8 per cent (October 2022: 3.4%). Among the fish that recorded increases in average price were Catfish which increased to RM10.56 (November 2021: RM9.44), Indo-pacific

mackerel RM14.25 (November 2021: RM12.36), Barramundi RM20.74 (November 2021: RM17.89) and Sardine RM12.11 (November 2021: RM11.31).

Transport groups showed an increase of 5.0 per cent in November 2022 as compared to October 2022 (5.2%). This increase was mainly contributed by the subgroup of Transport services (7.2%). Meanwhile, Operation of personal transport equipment moderated to 5.1 per cent as compared to 5.6 per cent in October 2022. The average price of Unleaded petrol RON97 increased by 29.1 per cent (RM3.95 per litre) as compared to RM3.06 in the same month of the preceding year. The increase in fuel prices was a direct impact of the increase in the price of Brent crude oil (12.8%) to US\$91.07 per barrel in November 2022.

The Chief Statistician Malaysia elaborated, the inflation for the period of January to November 2022 increased 3.4 per cent as compared to 2.3 per cent for the same period in 2021. The increase was mainly attributed by Food & Non-Alcoholic Beverages (5.6%), Transport (4.7%) and Restaurants & Hotels (4.7%). Inflation rate for month-on-month in November 2022 inclined 0.3 per cent as compared to 0.2 per cent recorded in October 2022. This was mainly contributed by the Food & Non-Alcoholic Beverages (0.7%) and Restaurants & Hotels (0.5%). Meanwhile, Health and Miscellaneous Goods & Services groups increased by 0.3 per cent respectively.

Commenting on the inflation at the state level, Chief Statistician Malaysia explained that four states recorded increases above the national inflation level of 4.0 per cent were Wilayah Persekutuan Putrajaya (7.9%), Selangor (4.8%), Sarawak (4.7%) and Johor (4.2%). However, Wilayah Persekutuan Labuan recorded the lowest increase of 2.4 per cent. All states registered an increase in the inflation of Food & Non-Alcoholic Beverages. The highest increase was recorded by Selangor (9.0%) followed by Wilayah Persekutuan Putrajaya (8.8%), Sarawak (8.5%), Johor (7.6%) and Sabah (7.4%). Meanwhile, other states showed an increase below the national inflation of Food & Non-Alcoholic Beverages rate of 7.3 per cent in November 2022.

Meanwhile, inflation for the income group below RM3,000 increased 3.9 per cent from 124.7 in November 2021 to 129.6 in November 2022. The increase was contributed by Food & Non-Alcoholic Beverages group at 6.9 per cent. The increase was mainly attributed by subgroup of Milk, cheese & eggs (9.0%) followed by Meat (8.7%) and Rice, bread & other cereals (6.7%). In addition, the inflation for Restaurants & Hotels also went up 7.8 per cent followed by Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (4.3%); Recreation Services & Culture (4.0%); Transport (2.9%) and Miscellaneous Goods & Services (2.4%).

Core inflation measures changes in the prices of all goods and services without taking into account the volatile prices of fresh food as well as administered prices of goods by the government registered an increase of 4.2 per cent in November 2022 as compared to the same month of the previous year. The highest increase was recorded by Food & Non-Alcoholic Beverages group with 8.2 per cent. In addition, the Transport group also recorded an increase of 7.9 per cent, followed by Restaurants & Hotels (7.0%); Furnishing, Household Equipment & Routine Household Maintenance (3.8%) and Recreation Services & Culture (3.6%).

Commenting on inflation of other countries, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The Eurozone inflation has eased to 10.0 per cent in November 2022 from 10.6 per cent in the previous month. The slower increase was mainly due to the slowing down of Energy inflation at 34.9 per cent (October 2022: 41.5%) and Services at 4.2 per cent (October 2022: 4.3%). The inflation rate in the United States of America eased to 7.1 per cent in November 2022 as against in October 2022 (7.7%). In comparison to selected countries in the Asia Pacific region, the inflation rate in Malaysia (4.0%) was lower than the inflation in Philippines (8.0%), Thailand (5.6%), Indonesia (5.4%) and Republic of Korea (5.0%)."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by respondents in providing their information and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Friday, 23 December 2022**

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStats_2022.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
23 DECEMBER 2022**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 23 December 2022

Chart 1 Inflation for January 2011 - November 2022





Chart 2 Malaysia Headline Inflation, January 2011 - November 2022



Note : * Average inflation for the period of January 2011 to November 2022

Carta 3 Malaysia Headline Inflation, Core Inflation and Inflation without Fuel, October 2021 – October 2022




Chart 4 Inflation by Quadrant, September & October 2022




Chart 5 Distribution of Inflation for Food and Non-Food that Increased ≤10%, September & October 2022




Chart 8 Inflation by Main Group, October & November 2022




Chart 9 Inflation for Food & Non-Alcoholic Beverages, November 2015 – November 2022




Chart 10

Inflation by State, October & November 2022





Chart 11


Inflation of Selected Countries, November 2020 – November 2022




Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 23 December 2022

Chart 12 Global Selected Commodity Prices


Crude Oil (US\$/bbl)




Natural Gas (US\$/mmbtu)




Maize (US\$/mt)




Palm Oil (US\$/mt)




Meat (US\$/kg)




Meat, Chicken (US\$/kg)




Soybeans (US\$/mt)



Wheat (US\$/mt)



Sugar (US\$/kg)



Global commodity price (US\$)



Percentage change year-on-year

Source: Commodity Monthly Prices, World Bank